

BERITA

GERBANG INOVASI | KUALITI | PRODUKTIVITI



SUKU TAHUN (1/2026)



Majlis Mengangkat Sumpah Menerima Jawatan Sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Taiping

Majlis Mengangkat Sumpah Menerima Jawatan sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Taiping (MPT) dan Mesyuarat Penuh Bulanan MPT Bil. 1/2026, telah berlangsung pada 12 Januari 2026 bertempat di Dewan Cempaka, Penthouse, Majlis Perbandaran Taiping.

Majlis dimulakan dengan Tuan Mohamed Akmal bin Dahalan, Yang Dipertua MPT mengangkat sumpah menerima jawatan sebagai Ahli Majlis MPT, selaras dengan pelantikan beliau sebagai Yang Dipertua berkuat kuasa mulai 9 Januari 2026.

Pada majlis tersebut beliau menzahirkan harapan agar semua pihak, khususnya Ahli-Ahli Majlis, pegawai-pegawai serta seluruh warga MPT dapat memberikan sokongan dan kerjasama yang padu bagi memastikan MPT terus bergerak seiring dengan matlamat dan aspirasi yang ditetapkan.

Majlis ini juga menandakan permulaan penting bagi tahun 2026 dalam usaha MPT memperkukuh tadbir urus dan meningkatkan mutu perkhidmatan kepada masyarakat.

Kunjungan Hormat SPRM Cawangan Taiping Ke Majlis Perbandaran Taiping

21 Januari 2026 - Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah menerima kunjungan hormat daripada Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Cawangan Taiping ke Pejabat Yang Dipertua, MPT sebagai langkah memperkukuhkan hubungan serta kerjasama antara kedua-dua agensi.



Kunjungan tersebut telah dihadiri oleh Puan Hazirah binti Hussain, Ketua Cawangan SPRM Taiping dan Encik Mohammad Faiz bin Azmi, Penolong Kanan Penguasa, SPRM Perak. Kunjungan bertujuan untuk memperkukuhkan jalinan kerjasama strategik antara MPT dan SPRM, di samping mempererat lagi hubungan dua hala yang sedia terjalin.

Menerusi pertemuan ini, kedua-dua pihak telah bertukar pandangan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam usaha memperkukuh amalan integriti, ketelusan serta tadbir urus yang baik, khususnya dalam sektor perkhidmatan awam di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

MPT sentiasa komited untuk memperluaskan lagi kolaborasi bersama SPRM, terutamanya dalam pelaksanaan program kesedaran, pencegahan dan pemantapan integriti dalam kalangan warga kerja. Kerjasama strategik ini diyakini mampu menyumbang ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih berintegriti, berkesan dan berdaya saing demi kepentingan masyarakat.

Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Tahun 2025



27 Januari 2026 – Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan kepada jabatan dan kakitangan yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam pembudayaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) bagi tahun 2025.

Majlis telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MPT, Tuan Mohamed Akmal bin Dahalan, sejurus selesai Mesyuarat KKP Bil.4/2025 yang berlangsung pada hari yang sama.

Pengiktirafan ini turut menekankan peranan pekerja untuk menjaga keselamatan diri dan rakan sekerja, mematuhi arahan keselamatan serta menggunakan peralatan perlindungan diri sebagaimana yang diperuntukkan di bawah akta berkenaan. Sepanjang tahun 2025, MPT telah berjaya melaksanakan sebanyak 44 program KKP merangkumi mesyuarat, taklimat, kursus, lawatan penandaarasan serta program intraagensi di peringkat Daerah LMS.

Semoga penganugerahan ini dapat menjadi pemangkin kepada pengukuhan budaya kerja selamat serta meningkatkan tahap pematuan undang-undang dan piawaian yang telah ditetapkan.





SUKU TAHUN (1/2026)



Perhimpunan Korporat & Perutusan Tahun Baharu 2026: MPT Tekad Perkukuh Kewangan & Pengoperasian

27 Januari 2026 – Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah mengadakan Perhimpunan Korporat Bil. 1/2026 anjuran Jabatan Khidmat Pengurusan yang menghimpunkan seluruh warga MPT untuk bersama-sama mendengar Perutusan Tahun Baharu 2026 oleh Yang Dipertua MPT dan disusuli dengan Pelancaran Pelan Strategik MPT 2026–2030.

Dalam perutusannya, Yang Dipertua menzahirkan rasa syukur dapat kembali menabur bakti di Bandar Warisan ini. Beliau menegaskan komitmen untuk bertindak sebagai 'pembina pasukan', menyokong keperluan warga kerja demi memastikan penyampaian perkhidmatan MPT kepada rakyat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Beliau turut menyeru seluruh warga MPT untuk mengekalkan profesionalisme dan integriti, memanfaatkan transformasi digital dan menyokong agenda Perak Sejahtera 2030. Majlis diteruskan dengan Pelancaran Pelan Strategik MPT 2026–2030 yang merupakan hala tuju, tema strategik, dan inisiatif khusus untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan, pemodenan digital, serta kelestarian pembangunan menjelang 2030.

Majlis Mengangkat Sumpah Dan Pelantikan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Taiping

Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah mengadakan Majlis Mengangkat Sumpah dan Pelantikan Ahli Majlis bagi tempoh 16 Mac 2026 hingga 15 Mac 2028 sebagai langkah memperkukuhkan pentadbiran serta memperkasakan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

Pada 30 Mac 2026, majlis mengangkat sumpah telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Puan Sandra Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak. Dalam majlis tersebut, Tuan Mohamed Akmal bin Dahalan, Yang Dipertua MPT, mendahului upacara mengangkat sumpah sebelum diikuti oleh 22 Ahli Majlis yang dilantik bagi penggal baharu. Seterusnya, pada 24 Jun 2026, Encik Veeran a/l Muniandy dan Encik Azlan Shah bin Zulkifli turut mengangkat sumpah serta menerima watak pelantikan bagi melengkapkan keanggotaan Ahli Majlis MPT.

Majlis turut disaksikan oleh Puan Hasmonaliza binti Hassan Basari, Setiausaha Perbandaran, bersama barisan Ahli-Ahli Majlis dan pegawai-pegawai MPT. MPT merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Ahli Majlis yang dilantik dan berharap pelantikan ini akan terus memperkukuh tadbir urus serta meningkatkan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan demi kesejahteraan masyarakat dan kemajuan Bandar Warisan Taiping.



Diterbitkan oleh :
Unit Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Perbandaran Taiping